



PERTANDINGAN VIDEO PENDEK IKRAM MUSLEH 2023 (PVPIM'23) dengan JEMPUTAN SEKOLAH KPM & ANTARABANGSA

**ANJURAN
KADET REMAJA SEKOLAH MUSLEH**

**DENGAN KERJASAMA
INTERNATIONAL CENTER FOR EDUCATIONAL EXCELLENT (ICCE)
MAJLIS PENGETUA GURU BESAR SEKOLAH-SEKOLAH ISLAM MALAYSIA (MPGBSIM)
JARINGAN SEKOLAH ISLAM TERPADU (JSIT) INDONESIA
ASSALAM SMART SCHOOL ASSOCIATION (ASSA) THAILAND**



**KERTAS KERJA KARNIVAL KOKURIKULUM
PERTANDINGAN VIDEO PENDEK IKRAM MUSLEH
DENGAN JEMPUTAN SEKOLAH KPM & ANTARABANGSA 2023**

Anjuran
KADET REMAJA SEKOLAH MUSLEH

PENGENALAN

Pertandingan Video Pendek IKRAM MUSLEH (PVPIM) ini adalah sebagai alternatif aktiviti gabungan antara KoAkademik yang biasa diadakan dalam Karnival Amal Islami (KAIIM) sebelum pandemik dan kemahiran dalam TKRS/KRS MUSLEH. Memandangkan suasana semasa COVID 19 masih lagi tidak menentu, pihak Unit Kokurikulum IKRAM MUSLEH & KRS MUSLEH mengambil keputusan untuk mengadakan sekali lagi pertandingan PVPIM pada tahun ini dengan penambahbaikan dari sudut peringkat pertandingan iaitu dengan jemputan sekolah-sekolah KPM dan antarabangsa serta penambahan acara yang akan dipertandingkan. Adalah diharapkan pertandingan ini dapat mencapai objektif yang telah ditetapkan.

OBJEKTIF

Adalah diharapkan pertandingan ini akan mencapai objektif berikut:

1. Melahirkan murid yang berdisiplin, bergantung kepada *Al Khaliq* dan redha dengan keputusannya.
2. Menanamkan kecintaan terhadap ilmu dan amal Islami.
3. Membentuk murid yang peduli terhadap masyarakat, prihatin dan bersikap ramah.
4. Mencungkil bakat, kreativiti dan kebolehan murid.
5. Menambahkan markah kokurikulum dalam PAJSK peringkat ANTARABANGSA.

TARIKH

Tarikh pendaftaran	: 15 hingga 25 Ogos 2023
Tarikh pertandingan	: 26 hingga 15 September 2023
Tarikh akhir penghantaran video	: 15 September 2023
Tarikh pengadilan	: 16 September hingga 22 September 2023
Tarikh keputusan	: 26 September 2023

ACARA YANG DIPERTANDINGKAN**SEKOLAH MENENGAH****(13 TAHUN – 18 TAHUN)**

BIL	ACARA	LELAKI	PEREMPUAN
1	TILAWAH AL QURAN	2	2
2	TAZKIRAH	2	2
3	SYARAHAN	2	2
4	PUBLIC SPEAKING	2	2
5	KHITOBAH	2	2
6	KALAM JAMAIE	15-20	
7	CHORAL SPEAKING		15-20
8	BICARA BERIRAMA	15-20	15-20
9	NASYID	8-15	
10	MASAKAN RIMBA	2	2
11	REKA CIPTA (BARANGAN TERPAKAI)	2	2
12	MEMBINA GAJET	2	2
13	SENAMAN KREATIF (KPM/LUAR NEGARA) - berkumpulan	5	5
14	BASED FORMASI (SEKOLAH MUSLEH SHJ) - berkumpulan	5	5
15	GUBAHAN HIASAN MEJA		2
16	GUBAHAN BUAH	2	
17	MEMANAH FORMASI - berkumpulan	6	6
	JUMLAH PESERTA ACARA	89	74

SEKOLAH RENDAH**(9 TAHUN – 12 TAHUN)**

BIL	ACARA	LELAKI	PEREMPUAN
1	TILAWAH AL QURAN	2	2
2	BERCERITA	2	2
3	SYARAHAN	2	2
4	PUBLIC SPEAKING	2	2
5	KHITOBAH	2	2
6	KALAM JAMAIE	15-20	
7	CHORAL SPEAKING		15-20
8	BICARA BERIRAMA	15-20	15-20
9	NASYID	8-15	
10	MASAKAN RIMBA	2	2
11	REKA CIPTA (BARANGAN TERPAKAI)	2	2
12	MEMBINA GAJET	2	2
13	SENAMAN KREATIF (KPM/LUAR NEGARA) - berkumpulan	5	5
14	BASED FORMASI (SEKOLAH MUSLEH SHJ) - berkumpulan	5	5
15	GUBAHAN] HIASAN MEJA		2
16	GUBAHAN BUAH	2	

17	MEMANAH FORMASI - berkumpul	6	6
	JUMLAH PESERTA ACARA	89	74

STRUKTUR ORGANISASI JAWATANKUASA INDUK PVPIM'23

Penaung	: Prof Dr Omar bin Yaakob
Penasihat	: Ust Megat Mohamed Amin bin Megat Mohamed Nor : Sekretariat Unit Kokurikulum IKRAM Musleh dan KRS MUSLEH
Pengerusi	: Tuan Abd Rahaim bin Md Isa
Pengarah	: Puan Madihah binti Uzir
Timb. Pengarah	: Puan Norzalina binti Nordin
Setiausaha	: Puan Nur Sakinah Nabilah binti Zaini
Bendahari	: Puan Wardah binti Saari

STRUKTUR ORGANISASI JAWATANKUASA PENGELOLA PVPIM'23

Pengerusi	: Tuan Abd Rahaim bin Md Isa
Pengarah	: Puan Madihah binti Uzir
Timb. Pengarah	: Puan Norzalina binti Nordin
Setiausaha	: Puan Nur Sakinah Nabilah binti Zaini
Bendahari	: Puan Wardah binti Saari

Ahli Jawatankuasa :

1. Pendaftaran : Tuan Umar Al Mukhtar bin Ismail
: Tuan Khairul Anam bin Omar
2. Media : Pn Mazuwin binti Mohamad Yusof
3. Hadiah : Puan Wardah binti Saari
4. Sijil : Tuan Umar Al Mukhtar bin Ismail
5. Penghakiman : Tuan Mohammad Khairi Nikmat bin Azzmi
: Puan Siti Rafidah Hanum binti Ismail

HAKIM DAN JURI

1. Ketua Hakim dan Hakim setiap acara dipilih dan dilantik daripada pihak luar (profesional)
2. Juri Umum dipilih dalam kalangan yang terlatih daripada IKRAM Musleh dan KPM
3. Juri Saringan dilantik dalam kalangan Majlis Jurulatih Kebangsaan
4. Juri Saringan akan memilih 20 video terbaik bagi setiap acara mengikut kategori
5. Juri Umum akan memilih 10 video terbaik bagi setiap acara mengikut kategori
6. Hakim setiap acara akan memilih 5 video terbaik untuk menentukan pemenang tempat pertama hingga kelima.
7. Keputusan hakim adalah muktamad.

PERATURAN-PERATURAN PERTANDINGAN VIDEO PENDEK IKRAM MUSLEH 2023

1. PERATURAN-PERATURAN AM

- a. Pertandingan ini dijalankan mengikut syarat dan peraturan pertandingan yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Pengelola Pertandingan IKRAM MUSLEH 2023
- b. Semua keputusan yang dibuat oleh Jawatankuasa Pengelola Pertandingan IKRAM MUSLEH 2023 adalah muktamad.
- c. Jawatankuasa Pengelola Pertandingan IKRAM MUSLEH 2023 **BERHAK** membatalkan penyertaan mana-mana sekolah yang melanggar syarat-syarat pertandingan dan peraturan
- d. Semua peserta mestilah berpakaian (ditetapkan) dan berkelakuan sopan semasa rakaman persembahan.

2. PENYERTAAN

- a. Penyertaan adalah terbuka kepada **Sekolah-sekolah IKRAM MUSLEH & Rakan IKRAM MUSLEH, Sekolah-Sekolah Rendah & Menengah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)** serta wakil sekolah negara di Asia Tenggara.
- b. Penyertaan hendaklah dibuat melalui sekolah masing-masing.
- c. Penilaian penyertaan adalah mengikut acara yang dipertandingkan.
- d. Penggunaan **Bahasa** mengikut acara dalam penyampaian
- e. Setiap sekolah hanya boleh mendaftarkan peserta mengikut pertandingan yang ditetapkan sahaja.
- f. Peserta akan bertanding di peringkat antarabangsa mengikut kategori seperti **Lampiran 1**.

3. KELAYAKAN PESERTA DAN PENDAFTARAN

- a. Semua peserta mestilah mengikut kategori had umur yang ditetapkan.
- b. Semua peserta hendaklah memuat naik satu (1) salinan Kad Pengenalan **atau** sijil kelahiran.
- c. Gantian peserta kepada peserta yang telah didaftarkan hanya boleh dilakukan sebelum tarikh tutup pendaftaran sahaja.
- d. Hanya peserta yang berdaftar sahaja dibenarkan bertanding dalam pertandingan ini.
- e. Sebarang perubahan atau penggantian setelah pertandingan bermula tidak akan diterima.
- f. Senarai nama peserta hendaklah dihantar melalui '*google form*' yang disediakan oleh pihak penganjur sebelum tarikh tutup dan senarai yang dihantar kepada penganjur adalah muktamad.
- g. '*Google form*' hendaklah diisi oleh Penolong Kanan Kokurikulum / Penyelaras sekolah masing-masing dan disahkan oleh Pengetua / Guru Besar / Mudir.
- h. Peserta yang tidak didaftarkan tidak dibenarkan mengambil bahagian. Sekiranya berlaku sedemikian, penyertaan peserta tersebut akan dibatalkan secara automatik. Semua pertandingan sebelumnya yang disertai oleh peserta tersebut dianggap tidak sah. Jika menang, kemenangan percuma akan diberikan kepada pihak berikutnya.
- i. **Untuk sekolah-sekolah KPM boleh menghantar iaitu maksimum 2 orang wakil (1 lelaki / 1 perempuan) bagi setiap acara yang ingin disertai kecuali acara berkumpulan.**

Pautan (link) pendaftaran peserta ialah :

1 KOMITMEN PENYERTAAN

SEKOLAH MUSLEH & RAKAN MUSLEH:

<https://docs.google.com/forms/d/e/1FAIpQLSdx9K6jEg9kJC2Qjg5K0yXywluskLZqQ9EhtL5gc0J8m9-y5A/viewform>

SEKOLAH KEBANGSAAN & SEKOLAH SWASTA:

<https://docs.google.com/forms/d/e/1FAIpQLSeYBsWUFDRMFUvDfFI7D7BhYNxuBBzD66974tm8GbNu6DCtVg/viewform>

2 BORANG PENDAFTARAN

SEKOLAH MUSLEH & RAKAN MUSLEH:

<https://docs.google.com/forms/d/e/1FAIpQLSeHVX8IzdGmbCGUO2dr7JEzOyACmwpOfXBkwlHWmBwr3LZ1FQ/viewform>

SEKOLAH KEBANGSAAN & SEKOLAH SWASTA:

<https://docs.google.com/forms/d/e/1FAIpQLSfAA1TggJ7QI7K46A83ODtL-Iuwe1OhBdLoYwqSmEJHSsx0g/viewform>

SEKOLAH LUAR NEGARA:

<https://docs.google.com/forms/d/e/1FAIpQLSeacPmAzuLZiLuBRLsTbgMPZRegLOXCCrjyaGDaX01GcYw2AA/viewform>

3 PENGHANTARAN TEKS PERSEMBAHAN

SEKOLAH DALAM NEGARA:

<https://docs.google.com/forms/d/e/1FAIpQLSfEaKdMMp8BIzdgi3UrJGEZIJbXSQedzRqOvkjUWgB111Lzsg/viewform>

SEKOLAH LUAR NEGARA:

<https://docs.google.com/forms/d/e/1FAIpQLScvtxYh6PkFX90JxYj385k8jDOsJ8QcKb2PIZps16NmmVyh3w/viewform>

4. TEMPAT, MASA, JADUAL DAN KEPERLUAN PERTANDINGAN

- a. Tempat pertandingan akan dilaksanakan di rumah @ di sekolah @ di tempat yang sesuai dengan bimbingan ibu @ bapa @ guru sekolah masing-masing.
- b. Agihan peserta dan pemenang adalah seperti dalam **Lampiran 2**

5. YURAN PENYERTAAN

RM 30.00 seorang

RM 50.00 berkumpulan

- a) Pautan (link) pembayaran yuran bagi sekolah Ikram Musleh ialah:

Yuran PVPIM berkumpulan RM50.00

<https://my04.awfatech.com/main/app/finpay/payform.php?sysapp=krsmusleh&id=2021>

Yuran PVPIM individu RM30.00

<https://my04.awfatech.com/main/app/finpay/payform.php?sysapp=krsmusleh&id=574>

b) Pautan (link) pembayaran yuran bagi sekolah rakan Musleh dan KPM ialah:

Yuran PVPIM berkumpulan RM50.00

<https://mv04.awfatech.com/main/app/finpav/pavform.php?svsapp=krsmusleh&id=2022>

Yuran PVPIM individu RM30.00

<https://mv04.awfatech.com/main/app/finpav/pavform.php?svsapp=krsmusleh&id=575>

PERINGATAN: PESERTA YANG MENARIK DIRI SELEPAS TAMAT TEMPOH PENDAFTARAN, YURAN PENYERTAAN TIDAK AKAN DIKEMBALIKAN.

6. SYARAT-SYARAT PERTANDINGAN

Lampiran 2:	Tilawah Al-Quran	SR/SM (L/P)
Lampiran 3:	Tazkirah	SM (L/P)
Lampiran 4:	Bercerita	SR (L/P)
Lampiran 5:	Syarahan	SR/SM (L/P)
Lampiran 6:	Public Speaking	SR/SM (L/P)
Lampiran 7:	Choral Speaking	SR/SM (P)
Lampiran 8:	Khitobah	SR/SM (L/P)
Lampiran 9:	Kalam Jamaie	SR/SM (L)
Lampiran 10:	Bicara berirama	SR/SM (L/P)
Lampiran 11:	Nasyid	SR/SM (L)
Lampiran 12:	Masakan Rimba	SR/SM (L/P)
Lampiran 13:	Rekacipta	SR/SM (L/P)
Lampiran 14:	Membina Gajet	SR/SM (L/P)
Lampiran 15:	Senaman Kreatif	SR/SM (L/P)
Lampiran 16:	Based Formasi	SR/SM (L/P)
Lampiran 17:	Gubahan Hiasan Meja	SR/SM (P)
	Gubahan Buah	SR/SM (L)
Lampiran 18:	Memanah Formasi	SR/SM (L/P)

7. PENYERTAAN DAN PEMENANG

- a. Semua peserta akan menerima **E-Sijil Penyertaan**.
- b. Peserta yang berjaya sebagai pemenang akan menerima **E-Sijil Pencapaian**
- c. **5 (lima)** orang **pemenang lelaki** dan **5 (lima)** orang **pemenang perempuan** untuk **setiap acara**

8. PENGHANTARAN VIDEO

- a. Semua rakaman video pendek hendaklah dimuat naik (*upload*) ke **Youtube** atau **Facebook**.
- b. Pautan (*link*) video tersebut dihantar kepada pihak penganjur menggunakan pautan (*link*) *google form* yang disediakan oleh penganjur.
- c. **Pautan (link) penghantaran bagi pautan (link) video:**

SEKOLAH DALAM NEGARA:

<https://docs.google.com/forms/d/e/1FAIpQLSceYQJB02-wtKu-IS1UhiHezNAzQCL9ZcH9kCQQN4NPtlspCA/viewform>

SEKOLAH LUAR NEGARA:

<https://docs.google.com/forms/d/e/1FAIpQLSc9xv5frIZtNUAaosgDxQZNCfXIAwqJ-5TGM75J1JcHH12BUA/viewform>

BORANG MAKLUMAT GURU PEMBIMBING

<https://docs.google.com/forms/d/e/1FAIpQLSeEXbVh-NNGPvGAKj2nCr-DqepIFY5zFV-plyLKxrtsIli-uw/viewform>

9. PENUTUP

Adalah diharapkan objektif Pertandingan Video Pendek IKRAM MUSLEH ini dapat dicapai dalam rangka untuk melahirkan generasi yang mampu memimpin dan mandiri, In Shaa Allah.

LAMPIRAN 1

PENYERTAAN PERINGKAT ANTARABANGSA

Kategori

1. Sekolah-sekolah Rendah Rangkaian IKRAM MUSLEH & Rakan IKRAM MUSLEH
2. Sekolah-sekolah Menengah Rangkaian IKRAM MUSLEH & Rakan IKRAM MUSLEH
3. Sekolah-sekolah Rendah Kebangsaan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)
4. Sekolah-sekolah Menengah Kebangsaan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)

Wakil Acara Peserta Luar Negara

10 orang wakil (5 Lelaki/5 Perempuan) untuk setiap acara bagi setiap negara, iaitu:

1. Indonesia
2. Thailand
3. Kemboja

LAMPIRAN 2

TILAWAHAL-OURAN

- a. Penyertaan terbuka kepada semua pelajar Sekolah Rendah dan Menengah di bawah rangkaian & rakan IKRAM MUSLEH, Sekolah-sekolah KPM dan wakil sekolah rendah & menengah luar negara.
- b. Setiap sekolah IM boleh menghantar maksimum 4 orang peserta, iaitu 2 orang peserta lelaki dan 2 orang peserta perempuan.
- c. Pakaian lelaki semasa menghadiri pertandingan ialah pakaian yang bersesuaian (Bersongkok, baju melayu lengkap, bersamping dan berkasut)
- d. Pakaian perempuan (Baju kurung, jubah serta bertudung labuh)
- e. Masa ujian tilawah adalah 5 minit.
- f. Bacaan selepas 5 minit tidak akan dikira, manakala bacaan kurang daripada 5 minit, markah akan ditolak 3 markah.
- g. *Pilihan ayat dimaklumkan semasa taklimat PIC sekolah*
- h. Peserta akan diadili berdasarkan kriteria berikut:-
 - i. Tajwid : 35 markah
 - ii. Fasahah : 20 markah
 - iii. Taranum : 25 markah
 - iv. Suara : 20 markah
- i. Rakaman video adalah berdurasi tidak lebih daripada 5 minit. **TIADA PEMARKAHAN** untuk rakaman video.
- j. Tarikh akhir penghantaran rakaman video adalah seperti yang telah ditetapkan.
- k. Peserta dikehendaki memilih satu surah sahaja daripada senarai yang diberi.
- l. Peserta dikehendaki membaca dengan bacaan taranum Mujawaad. Sekiranya peserta **membaca dengan bacaan taranum Murattal, markah akan ditolak bagi setiap kategori menjadi 5 markah sahaja.**
- m. Peserta mestilah membawa taranum dengan sekurang-kurangnya 3 taranum bermula dengan Bayati dan 2 taranum lain.
- n. Peserta dikehendaki membaca bermula daripada ayat yang dipilih dalam tempoh **5 minit**. Pengiraan **masa bermula dari bacaan isti'azah.**
- o. Jemaah hakim - Hakim Tajwid (K), Hakim Taranum, Hakim Suara dan Fasahah.
- p. Keputusan hakim adalah **MUKTAMAD** sebarang bantahan tidak akan dilayan.

LAMPIRAN 3

TAZKIRAH

- a. Penyertaan terbuka kepada semua pelajar Sekolah Menengah di bawah rangkaian & rakan IKRAM MUSLEH, Sekolah-sekolah KPM dan wakil sekolah menengah luar negara.
- b. Setiap sekolah IM boleh menghantar maksimum 4 orang peserta iaitu 2 orang peserta lelaki dan 2 orang peserta perempuan
- c. Penyampai tazkirah akan menyampaikan tazkirah masing-masing dalam bahasa Melayu atau bahasa Inggeris berdasarkan tema yang telah disediakan.
- d. Peserta hendaklah memakai uniform sekolah masing-masing
- e. Peserta akan diberi masa 5 minit untuk menyampaikan tazkirah masing-masing. **Markah akan dinilai sehingga minit ke 5 sahaja. Lebihan minit tidak akan diterima untuk penilaian juri.**
- f. Peserta yang membaca nota atau teks semasa menyampaikan tazkirah akan dipotong markah persembahan.
- g. Teks hendaklah dihantar menggunakan link yang disertakan.
- h. Kritikan terhadap isu-isu yang sensitif berkaitan dengan agama, bangsa dan kebudayaan atau terhadap keperibadian seseorang adalah dilarang. Jika berlaku, 5 markah akan dipotong.
- i. Penggunaan atau tutur kata yang kurang sopan adalah dilarang.
- j. Pembahagian markah Tazkirah:
 - i. Isi (40 markah)

Peserta akan diadili dari segi pengutaraan isi-isi yang bernas, data-data dan bahan-bahan yang tepat serta logik termasuk penghuraian. Panduan Pemarkahan :

 - 3 markah bagi satu isi.
 - 2 markah bagi satu huraian isi.
 - 3 markah bagi contoh dan data-data yang diberikan.
 - Jumlah markah bagi isi yang pukal ialah 8 markah.
 - Peserta perlu mengemukakan 4 isi dalam tazkirah mereka.
 - 2 markah bonus boleh diberi bagi kematangan isi.
 - ii. Bahasa (20 markah)
 - Peserta akan diadili dari segi bahasa yang jelas, gaya bahasa yang berkesan, dan tepat dengan maksud yang hendak disampaikan.
 - **Wajib disertakan bersama** teks penyampaian mengikut bahasa yang digunakan semasa penghantaran video
 - iii. Persembahan (30 markah)
 - Peserta diadili dari segi persembahan yang lancar kesesuaian nada, meyakinkan dan menunjukkan gaya yang menarik.
 - Markah diberi dari segi cara penyampaian isi yang bernas, persembahan yang lancar; kesesuaian nada serta persembahan yang jelas; dan gaya bahasa yang sesuai serta kesopanan dan perawakan.
 - Pemakaian peserta yang tidak lengkap akan ditolak 2 markah.
 - Penambahan audio atau visual pada rakaman video mengikut kreativiti masing-masing **TANPA** mengganggu penyampaian tazkirah peserta dibenarkan.
 - iv. **Tambahan (Bonus 10 markah)**
 - Tajuk mestilah menepati tema. Markah akan ditolak sekiranya tidak menepati tema.
 - Tutur kata dan bahasa yang sopan ketika penyampaian mempengaruhi markah bonus peserta.
- k. Rakaman video adalah berdurasi tidak melebihi 5 minit. **TIADA PEMARKAHAN**

untuk rakaman video.

- l. Tarikh akhir penghantaran rakaman video adalah seperti yang telah ditetapkan.
- m. Tema bagi pertandingan tazkirah adalah seperti di bawah:

Membina Negara Rahmah

LAMPIRAN 4

BERCERITA

- a. Penyertaan terbuka kepada semua pelajar Sekolah Rendah dan Menengah di bawah rangkaian & rakan IKRAM MUSLEH, Sekolah-sekolah KPM dan wakil sekolah rendah & menengah luar negara.
- b. Setiap sekolah IM boleh menghantar maksimum 4 orang peserta iaitu 2 orang peserta lelaki dan 2 orang peserta perempuan.
- c. Penyampai akan menyampaikan cerita masing-masing dalam Bahasa Melayu berdasarkan tema yang telah disediakan.
- d. Pakaian peserta **bebas** mengikut cerita. **Props perlu ada ketika bercerita.**
- e. Peserta akan diberi masa 5 minit untuk menyampaikan cerita masing-masing.
- f. Peserta yang membaca nota atau teks semasa bercerita akan dipotong markah persembahan.
- g. Teks hendaklah dihantar menggunakan link yang disertakan. **Tajuk cerita dan teks cerita mesti berbeza dalam sebuah sekolah.**
- h. Kritikan terhadap isu-isu yang sensitif berkaitan dengan agama, bangsa dan kebudayaan atau terhadap keperibadian seseorang adalah dilarang. Jika berlaku, 5 markah akan dipotong.
- i. Penggunaan atau tutur kata yang kurang sopan adalah dilarang.
- j. Cara rakaman perlu mengikut syarat-syarat berikut:
 - Rakaman video **secara lanskap (melintang)** dan perlu **menampakkan keseluruhan badan. Tidak dibenarkan** membuat rakaman separuh dan **secara potrait.**
 - Tidak dibenarkan menggunakan green screen atau meletak slaid atau latar belakang ketika merakam
 - Tiada muzik iringan ketika pencerita menyampaikan cerita.
 - Rakaman penceritaan dilakukan secara **terus menerus** dan **tidak melebihi 5 minit. TIADA PEMARKAHAN** untuk rakaman video.

- a. Pembahagian markah bercerita:

- i. **Isi (30 markah)**

Peserta akan diadili dari segi pengutaraan isi-isi yang bernas, data-data dan bahan-bahan yang tepat serta logik termasuk penghuraian. Panduan Pemarkahan :

- 3 markah bagi satu isi.
- 2 markah bagi satu huraian isi.
- 2 markah bagi contoh dan data-data yang diberikan.
- Jumlah markah bagi satu-satu isi yang pukal ialah 7 markah.
- Isi yang diperlukan ialah sebanyak 4 isi.
- 2 markah bonus boleh diberi bagi kematangan isi.

- ii. **Bahasa (20 markah)**

- Peserta akan diadili dari segi bahasa yang jelas, baku (struktur dan sebutan) gaya bahasa yang berkesan, dan tepat dengan maksud yang hendak disampaikan.

- iii. **Persembahan (30 markah)**

- Peserta diadili dari segi persembahan yang lancar kesesuaian nada, meyakinkan dan menunjukkan gaya yang menarik. Peserta diadili dari segi cara penyampaian pengutaraan isi-isi yang bernas, data dan bahan-bahan yang tepat serta logik termasuk penghuraiannya, persembahan yang lancar; kesesuaian nada serta persembahan yang jelas; dan gaya bahasa yang sesuai serta kesopanan dan perawakan.

iv. Penyampaian (20 markah)

- Peserta diadili dari segi penyampaian yang jelas, lancar, nada dan intonasi yang sesuai, menggunakan mimik muka yang bersesuaian dengan penceritaan, penghayatan dan keyakinan.
- b. Tarikh akhir penghantaran rakaman video adalah seperti yang telah ditetapkan.
- n. Tema bagi pertandingan bercerita ialah **Membina Negara Rahmah.**

LAMPIRAN 5

SYARAHAN

- a. Penyertaan terbuka kepada semua pelajar Sekolah Rendah dan Menengah di bawah rangkaian & rakan IKRAM MUSLEH, Sekolah-sekolah KPM dan wakil sekolah rendah & menengah luar negara.
- b. Setiap sekolah IM boleh menghantar maksimum 4 orang peserta iaitu 2 orang peserta lelaki dan 2 orang peserta perempuan
- c. Penyampai syarahan akan menyampaikan syarahan masing-masing dalam Bahasa Melayu berdasarkan tajuk yang telah disediakan.
- d. Peserta hendaklah memakai pakaian kebangsaan.
- e. Peserta akan diberi masa 5 minit untuk menyampaikan syarahan masing-masing.
- f. Peserta yang membaca nota atau teks semasa menyampaikan syarahan akan dipotong markah persembahan.
- g. Teks hendaklah dihantar menggunakan link yang disertakan
- h. Kritikan terhadap isu-isu yang sensitif berkaitan dengan agama, bangsa dan kebudayaan atau terhadap keperibadian seseorang adalah dilarang. Jika berlaku, 5 markah akan dipotong.
- i. Penggunaan atau tutur kata yang kurang sopan adalah dilarang.

Pembahagian Markah Syarahan:

i. Isi (30 markah)

Peserta akan diadili dari segi pengutaraan isi-isi yang bernas, data-data dan bahan-bahan yang tepat serta logik termasuk penghuraian.

Panduan Pemarkahan :

- 3 markah bagi satu isi.
- 2 markah bagi satu huraian isi.
- 2 markah bagi contoh dan data-data yang diberikan.
- Jumlah markah bagi satu-satu isi yang pukal ialah 7 markah.
- Isi yang diperlukan ialah sebanyak 4 isi.
- 2 markah bonus boleh diberi bagi kematangan isi

ii. Bahasa (20 markah)

Peserta akan diadili dari segi bahasa yang jelas, baku (struktur dan sebutan) gaya bahasa yang berkesan, dan tepat dengan maksud yang hendak disampaikan.

iii. Persembahan (50 markah)

Peserta diadili dari segi persembahan yang lancar kesesuaian nada, meyakinkan dan menunjukkan gaya yang menarik. Peserta diadili dari segi cara penyampaian pengutaraan isi-isi yang bernas, data dan bahan-bahan yang tepat serta logik termasuk

- penghuraianya, persembahan yang lancar; kesesuaian nada serta persembahan yang jelas; dan gaya bahasa yang sesuai serta kesopanan dan perawakan.
- i. Durasi video adalah antara 5 hingga 7 minit sahaja bagi sekolah menengah dan 4 hingga 5 minit sahaja bagi sekolah rendah tanpa suntingan. **TIADA PEMARKAHAN** untuk kreativiti video.
 - j. Syarahan hendaklah dirakam secara melintang dalam format AVI atau MP4 dengan resolusi 1080P/720P dan rakaman diambil daripada paras lutut serta tanpa iringan muzik.
 - k. Peserta dilarang menggunakan latar belakang digital semasa rakaman. Latar belakang slaid statik dibenarkan
 - l. Tarikh akhir penghantaran rakaman video adalah seperti yang telah ditetapkan.
 - m. Tajuk bagi pertandingan syarahan adalah berkaitan dengan :
 - i. Rahmatan Lil Alamin
 - n. Keputusan hakim adalah muktamad

LAMPIRAN 6:

PUBLIC SPEAKING

- a. Penyertaan terbuka kepada semua murid Sekolah Rendah dan pelajar Sekolah Menengah di bawah rangkaian & rakan IKRAM MUSLEH, Sekolah-sekolah KPM dan wakil sekolah rendah luar negara.
- b. Setiap sekolah IM boleh menghantar maksimum 4 orang peserta iaitu 2 orang peserta lelaki dan 2 orang peserta perempuan
- c. Penyampai akan menyampaikan ucapan masing-masing dalam Bahasa Inggeris berdasarkan tema yang telah disediakan.
- d. Peserta hendaklah memakai baju-T (half dress) mengikut Pasukan Badan Beruniform masing-masing
- e. Peserta akan diberi masa 5 minit untuk menyampaikan pengucapan awam masing-masing.
- f. Peserta yang membaca nota atau teks semasa berucap akan dipotong markah persembahan.
- g. Kritikan terhadap isu-isu yang sensitif berkaitan dengan agama, bangsa dan kebudayaan atau terhadap keperibadian seseorang adalah dilarang. Jika berlaku, 5 markah akan dipotong.
- h. Penggunaan atau tutur kata yang kurang sopan adalah dilarang.
- i. Pembahagian markah public speaking:
 - i. Isi (30 markah)
 - Peserta akan diadili dari segi pengutaraan isi-isi yang bernas, data-data dan bahan-bahan yang tepat serta logik termasuk penghuraian. Panduan Pemarkahan :
 - 2 markah bagi satu isi.
 - 3 markah bagi satu huraian isi.
 - 2 markah bagi contoh dan data-data yang diberikan.
 - Jumlah markah bagi satu-satu isi yang puka ialah 7 markah.
 - Isi yang diperlukan ialah sebanyak 3 isi.
 - 9 markah selebihnya adalah diperuntukkan untuk Pendahuluan (Takrifan tajuk) dan Rumusan/ Penutup.
 - ii. Bahasa (20 markah)
 - Peserta akan diadili dari segi bahasa yang jelas, gaya bahasa yang berkesan, dan tepat dengan maksud yang hendak disampaikan.
 - iii. Persembahan (30 markah)
 - Peserta diadili dari segi persembahan yang lancar kesesuaian nada, meyakinkan dan menunjukkan gaya yang menarik. Peserta diadili dari segi cara penyampaian pengutaraan isi-isi yang

bernas, data dan bahan-bahan yang tepat serta logik termasuk penghuraiannya, persembahan yang lancar; kesesuaian nada serta persembahan yang jelas; dan gaya bahasa yang sesuai serta kesopanan dan perawakan.

- j. Durasi rakaman video adalah tidak melebihi 5 minit. **TIADA PEMARKAHAN** untuk rakaman video.
- k. Rakaman video perlu dilakukan dalam mod landskap secara penuh dari kepala sehingga lutut tanpa sebarang iringan muzik atau latar belakang digital.
- l. Teks public speaking hendaklah ditaip dengan menggunakan saiz fon 12 TIMES NEW ROMAN dan dihantar bersama – sama dengan rakaman video di link penghantaran yang disediakan.
- m. Tarikh akhir penghantaran rakaman video adalah seperti yang telah ditetapkan.
- n. Tema bagi pertandingan pengucapan awam adalah seperti dibawah:
Membina Negara Rahmah

LAMPIRAN 7

CHORALSPEAKING

- a. Penyertaan terbuka kepada pelajar perempuan Sekolah Rendah dan Menengah di bawah rangkaian & rakan IKRAM MUSLEH, KPM dan wakil sekolah rendah & menengah luar negara.
- b. Jumlah murid yang terlibat dalam satu (1) pasukan adalah **15-20 orang sahaja**. Susunan pasukan di pentas semasa persembahan adalah tiga baris dan tidak terlalu renggang di antara satu sama lain.
- c. Tempoh persembahan dikira berdasarkan ujaran pertama hingga ujaran terakhir di atas pentas seperti berikut:
 - i. Sekolah Rendah :
 - a. 8 hingga 9 minit
 - b. Tiada penilaian selepas minit ke-9 persembahan.
 - ii. Sekolah Menengah :
 - a. 9 hingga 10 minit
 - b. Tiada penilaian selepas minit ke-10 persembahan.
- d. Pakaian peserta mestilah **seragam sekolah [pakaian pengawas/pengawas pusat sumber/uniform asrama dibenarkan]** dan bersesuaian yang mengikut tema pertandingan yang telah ditetapkan. Penggunaan aksesori dan solekan tidak dibenarkan. Hanya konduktor dibenarkan memakai sarung tangan putih dan blazer.
- e. Tema pertandingan ialah **MEMBINA NEGARA RAHMAH**.
- f. Skrip mestilah dilengkapi dengan tajuk. Format penulisan skrip ditaip menggunakan fonts Times New Roman, bersaiz 14 dan jarak langkau 1.5 sahaja. Skrip yang telah ditaip hendaklah dihantar dalam bentuk portable document format (pdf) kepada kepada pihak penganjur mengikut kaedah yang telah ditetapkan.
- g. Skrip yang disampaikan mestilah asli. Sebarang plagiat hasil kerja sedia ada yang telah atau belum diterbitkan tidak dibenarkan sama sekali. Pihak penganjur berhak membatalkan mana-mana penyertaan sekiranya karya peserta didapati bukan bersifat asli.

- h. Penyertaan akan dikenakan **PENALTI** 5-10 markah jika isi kandungan skrip yang mempunyai isu-isu yang sensitif berkaitan dengan agama, politik, bangsa dan kebudayaan atau terhadap keperibadian seseorang.
- i. Dua (2) peranti dicadangkan untuk merakam video persembahan berdurasi tidak melebihi 15 minit sahaja. Peranti satu (1) fokus kepada persembahan pasukan. Peranti dua (2) fokus kepada konduktor. Video rakaman mesti memaparkan persembahan pasukan dan konduktor serentak. Rakaman konduktor boleh disunting dan diletakkan dalam rakaman persembahan kumpulan. (sila rujuk lampiran 1 dan 2). Penyertaan akan **DIBATALKAN** jika konduktor tidak dapat dilihat dalam rakaman.
- j. Sebarang alatan/sokongan seperti lakonan, berdrama, prop, bahan latar yang bertujuan untuk membantu persembahan, latar bunyi sama ada dalam bentuk elektronik, bercetak atau bertulis tidak dibenarkan. Nyanyian/Solo sketch dibenarkan tetapi tidak mendominasi persembahan secara keseluruhan.
- k. Kandungan video tidak boleh memaparkan sebarang bentuk perkataan atau grafik yang menunjukkan identiti sekolah atau negeri. Green screen tidak dibenarkan.
- l. Rakaman mestilah dibuat secara berterusan daripada awal sehingga tamat persembahan, tanpa sebarang potongan /suntingan [cutting / editing]. Potongan atau/dan suntingan terhadap video penyertaan **TIDAK DIBENARKAN** sama sekali (hanya suntingan konduktor sahaja dibenarkan).
- m. Rakaman dua (2) video mestilah dilakukan secara rakaman pegun (single shoot). Video tersebut hendaklah dirakam secara melintang dalam format AVI atau MP4 dengan resolusi 720P/1080P dan dihantar dalam bentuk pautan kepada penganjur.
- n. Penggunaan mikrofon adalah dibenarkan. Mikrofon hendaklah diletakkan dua [2] meter daripada peserta dan hanya empat [4] mikrofon berdiri (stand mic) dibenarkan.
- o. Peserta tidak dibenarkan merujuk kepada mana-mana nota atau bahan bercetak atau apa-apa rujukan sewaktu rakaman dibuat.
- p. Keputusan penghakiman adalah **muktamad**.
- q. Pemarkahan adalah berdasarkan:
 - i. Skrip (*Subject Matter*) : 15 markah
Skrip adalah bertema sama ada dalam bentuk ayat atau prosa yang dikarang / direka sendiri dan autentik (*may be in the form of poetry or short prose*)
 - ii. Artikulasi (*Articulation*) : 25 markah
Kejelasan pertuturan, ketepatan dan keseragaman kata, frasa atau ungkapan : *pronunciation (accuracy in pronunciation), enunciation (articulation, clarity and expression)*
 - iii. Jenis suara (*Voice Types*) : 10 markah
Intonasi, rima dan irama yang sesuai: *variety of intonation, mood and tempo*
 - iv. Rima dan Sela Masa (*Rhythm and Timing*) : 10 markah
: *Orchestrated rhythm and timing*. Sela masa (*between times*) yang tetap dan dalam bentuk kumpulan, jeda (*pause*) antara segmen, Ad-lib [sahut-menyahut] antara suara solo dan suara ramai
 - v. Kesan Bunyi (*Sound Effects*): 5 markah
: *Sound imitation (vocalised)*, bunyi gerakan fizikal seperti tepuk tangan, petikan jari
 - vi. Penghayatan (*General Demeanour*) : 5 markah
Ekspresi mimik muka dan bahasa tubuh : *Stance and bearing*
 - vii. Keseragaman Persembahan: 15 markah
Gaya dan keselarasan pergerakan
Pergerakan tubuh badan yang dibenarkan hanya dari paras pinggang ke

- atas SAHAJA dan tiada pergerakan kaki dibenarkan sama sekali
- viii. Kreativiti: 5 markah
Persembahan yang kreatif secara keseluruhan
- ix. Konduktor: 10 markah
Keselarasan gerakan tangan / formasi dan tubuh badan selari dengan pasukan serta mimik muka (penghayatan)

Jumlah: 100 markah

LAMPIRAN 8 :

KHITOBAH

- a. Penyertaan terbuka kepada semua pelajar Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah di bawah rangkaian & rakan IKRAM MUSLEH, KPM dan wakil sekolah rendah menengah luar negara.
- b. Setiap sekolah IM boleh menghantar maksimum 4 orang peserta iaitu 2 orang peserta lelaki dan 2 orang peserta perempuan
- c. Penyampai akan menyampaikan syarahan masing-masing dalam Bahasa Arab berdasarkan tema yang telah disediakan.
- d. Peserta hendaklah memakai baju-T (half dress) mengikut Pasukan Badan Beruniform masing-masing
- e. Peserta akan diberi masa 5 minit untuk menyampaikan syarahan masing-masing.
- f. Peserta yang membaca nota atau teks semasa bersyarah akan dipotong markah persembahan.
- g. Teks perlu dihantar menggunakan link yang disertakan
- h. Kritikan terhadap isu-isu yang sensitif berkaitan dengan agama, bangsa dan kebudayaan atau terhadap keperibadian seseorang adalah dilarang. Jika berlaku, 5 markah akan dipotong.
- i. Penggunaan atau tutur kata yang kurang sopan adalah dilarang.
- j. Pembahagian markah bercerita:
 - i. Isi (30 markah)
Peserta akan diadili dari segi pengutaraan isi-isi yang bernas, data-data dan bahan-bahan yang tepat serta logik termasuk penghuraian. Panduan Pemarkahan :
 - 3 markah bagi satu isi.
 - 2 markah bagi satu huraian isi.
 - 2 markah bagi contoh dan data-data yang diberikan.
 - Jumlah markah bagi satu-satu isi yang pukal ialah 7 markah.
 - Isi yang diperlukan ialah sebanyak 4 isi.
 - 2 markah bonus boleh diberi bagi kematangan isi.
 - ii. Bahasa (20 markah)
 - Peserta akan diadili dari segi bahasa yang jelas, baku (struktur dan sebutan) gaya bahasa yang berkesan, dan tepat dengan maksud yang hendak disampaikan.
 - iii. Persembahan (30 markah)
- k. Peserta diadili dari segi persembahan yang lancar kesesuaian nada, meyakinkan dan menunjukkan gaya yang menarik. Peserta diadili dari segi cara penyampaian pengutaraan isi-isi yang bernas, data dan bahan-bahan yang tepat serta logik termasuk penghuraiannya, persembahan yang lancar; kesesuaian nada serta persembahan yang jelas; dan gaya bahasa yang sesuai serta kesopanan dan perawakan.
- l. Rakaman video adalah berdurasi tidak melebihi 5 minit. **TIADA PEMARKAHAN** untuk rakaman video.
- m. Tarikh akhir penghantaran rakaman video adalah seperti yang telah ditetapkan.

- n. Tema bagi pertandingan khitobah adalah seperti di bawah:
i. **Membina Negara Rahmah**

LAMPIRAN 9:

KALAM JAMAAH

- a) Penyertaan terbuka kepada pelajar lelaki Sekolah Rendah dan Menengah di bawah rangkaian & rakan IKRAM MUSLEH, KPM dan wakil sekolah rendah & menengah luar negara.
- b) Jumlah murid yang terlibat dalam satu (1) pasukan adalah 15 hingga 20 orang sahaja. Susunan pasukan di pentas semasa persembahan adalah bebas. Susunan yang dibenarkan tidak melebihi tiga baris. Pergerakan setempat sahaja dibenarkan.
- c) Tempoh persembahan dikira ketika peserta mula masuk di atas pentas seperti berikut:
Sekolah Rendah : 11 hingga 12 minit
Sekolah Menengah : 14 hingga 15 minit
- d) Markah akan dipotong sekiranya persembahan kurang atau lebih dari masa yang ditetapkan.
- e) Pakaian peserta bebas. Peserta dibenarkan memakai pakaian mengikut tema kemerdekaan atau pakaian sekolah. Penggunaan aksesori dan solekan (yang bersesuaian) dibenarkan tetapi tiada sebarang peruntukan markah diberikan. Hanya konduktor dibenarkan memakai sarung tangan putih. Konduktor tidak dibenarkan memakai blazer.
- f) Tema pertandingan ialah **MEMBINA NEGARA RAHMAH**
- g) Skrip mestilah dilengkapi dengan tajuk. Format penulisan skrip ditaip menggunakan fonts Times New Roman, bersaiz 14 dan jarak langkau 1.5 sahaja. Muka depan hanya diletakkan tema, tajuk dan nama kumpulan sahaja. Isu- isu sensitif berkaitan agama, bangsa, politik, kebudayaan atau menyentuh peribadi seseorang adalah dilarang. Sumber rujukan skrip perlu dinyatakan seperti (buku teks,tahun,tajuk). Skrip yang telah ditaip hendaklah dihantar dalam bentuk portable document format (pdf) kepada kepada pihak penganjur mengikut kaedah yang telah ditetapkan.
- h) Dua (2) peranti dicadangkan untuk merakam video persembahan berdurasi tidak melebihi 15 minit sahaja. Peranti satu (1) fokus kepada persembahan pasukan. Peranti dua (2) fokus kepada konduktor. Video rakaman mesti memaparkan persembahan pasukan dan konduktor serentak. Rakaman konduktor boleh disunting dan diletakkan dalam rakaman persembahan kumpulan. (sila rujuk lampiran 1 dan 2).
- i) Sebarang alatan/sokongan seperti lakonan, berdrama, prop, bahan latar yang bertujuan untuk membantu persembahan, latar bunyi sama ada dalam bentuk elektronik, bercetak atau bertulis tidak dibenarkan. Nyanyian hanya dibenarkan tidak melebihi tiga (3) minit sepanjang persembahan. Rakaman muzik dibenarkan pada segmen permulaan dan penutup persembahan tetapi tiada sebarang markah diberi.
- j) Kandungan video tidak boleh memaparkan sebarang bentuk perkataan atau grafik yang menunjukkan identiti sekolah atau negeri.
- k) Rakaman dua (2) video mestilah dilakukan secara rakaman pegun (single shoot). Video tersebut hendaklah dirakam secara melintang dalam format AVI atau MP4 dengan resolusi 720P/1080P dan dihantar dalam bentuk pautan kepada penganjur.
- l) **Pergerakan semasa persembahan:** Pergerakan badan yang sopan adalah dari paras pinggang ke atas, dan tidak dibenarkan mengangkat /menghentak kaki. Pergerakan tangan adalah bebas digerakkan tidak melebihi paras kecuali konduktor. Lutut tidak boleh dibengkokkan.
- m) Pengerusi atau jawatankuasa pengelola pertandingan berhak membatalkan

- penyertaan kumpulan yang melanggar peraturan pertandingan.
- n) Pemarkahan adalah berdasarkan:
- Persembahan: 25 markah
 - Isi: 25 markah
 - Bahasa & penyampaian : 20 markah
 - Suara: 30 markah
- Jumlah 100 markah**

LAMPIRAN 10

BICARA BERIRAMA

- Penyertaan terbuka kepada semua pelajar Sekolah Rendah dan Menengah di bawah rangkaian & rakan IKRAM MUSLEH, KPM dan wakil sekolah rendah & menengah luar negara.
- Jumlah murid yang terlibat dalam satu (1) pasukan adalah **15-20 orang sahaja**. Susunan pasukan di pentas semasa rakaman persembahan adalah bebas. Susunan yang dibenarkan tidak melebihi tiga baris. Pergerakan setempat sahaja dibenarkan.
- Tempoh persembahan hanya 15 minit dan dikira dengan pergerakan masuk pasukan ke pentas oleh konduktor sehingga ujaran terakhir di atas pentas seperti berikut:
 - Sekolah Rendah : 14 hingga 15 minit
 - Sekolah Menengah : 14 hingga 15 minit
- Pakaian peserta mestilah **seragam sekolah[pakaian pengawas/pengawas pusat sumber/uniform asrama dibenarkan] dan bersesuaian yang mengikut tema pertandingan yang telah ditetapkan**. Sebarang aksesori yang tidak menepati pakaian seragam sekolah tidak dibenarkan. Hanya konduktor dibenarkan memakai sarung tangan putih
- Tema pertandingan ialah **MEMBINA NEGARA RAHMAH**.
- Skrip mestilah dilengkapi dengan tajuk. Format penulisan skrip ditaip menggunakan fonts Times New Roman, bersaiz 14 dan jarak langkai 1.5 sahaja. Skrip yang telah ditaip hendaklah dihantar dalam bentuk portable document format (pdf) kepada pihak penganjur mengikut kaedah yang telah ditetapkan.
- Teks bicara berirama yang disampaikan mestilah asli. Sebarang plagiat hasil kerja sedia ada yang telah atau belum diterbitkan tidak dibenarkan sama sekali. Pihak penganjur berhak membatalkan mana-mana penyertaan sekiranya karya peserta didapati bukan bersifat asli.
- Sebarang alatan/sokongan seperti lakonan, berdrama, prop, bahan latar yang bertujuan untuk membantu persembahan, latar bunyi sama ada dalam bentuk elektronik, bercetak atau bertulis tidak dibenarkan. Nyanyian hanya dibenarkan tidak melebihi tiga (3) minit sepanjang persembahan.
- Dua (2) peranti dicadangkan untuk merakam video persembahan berdurasi tidak melebihi 15 minit sahaja. Peranti satu (1) fokus kepada persembahan pasukan. Peranti dua (2) fokus kepada konduktor. Video rakaman mesti memaparkan persembahan pasukan dan konduktor serentak. Rakaman konduktor boleh disunting dan diletakkan dalam rakaman persembahan kumpulan.
- Penggunaan mikrofon adalah tidak digalakkan. Sekiranya ada, mikrofon tersebut hendaklah diletakkan dua [2] meter daripada peserta.
- Rakaman mestilah dibuat secara berterusan daripada awal sehingga tamat persembahan, tanpa sebarang potongan /suntingan [cutting/editing]. **Potongan atau/dan suntingan** terhadap video penyertaan **tidak dibenarkan** sama sekali. [Hanya suntingan konduktor sahaja dibenarkan]
- Rakaman dua (2) video mestilah dilakukan secara rakaman pegun (single shoot). Video tersebut hendaklah dirakam secara melintang dalam format AVI atau MP4 dengan resolusi 720P/1080P dan dihantar dalam bentuk pautan kepada penganjur.
- Keputusan penghakiman adalah muktamad.
- PENALTI** [Dilakukan oleh KETUA HAKIM sahaja] [10 markah akan ditolak]

Sekiranya menyentuh isu-isu yang dinyatakan dalam syarat-syarat pertandingan, membawa dan menggunakan bahan sokongan, melebihi had masa dan persembahan yang keterlaluan. Markah maksimum penalti [10 markah] hanya dikenakan berdasarkan pelanggaran keseluruhan aspek penghakiman yang telah disenaraikan. Walau bagaimanapun hanya KETUA HAKIM yang berhak mengenakan markah penalti.

Pemarkahan adalah berdasarkan:

- i. Ujaran Persembahan: 15 markah
Kejelasan, ketepatan dan keseragaman kata, frasa atau ungkapan dengan intonasi rima, dan irama yang sesuai.
- ii. Keseragaman Persembahan: 15 markah
Formasi berbentuk objek dan pergerakan setempat.
- iii. Tempo/Rima/Kesan Bunyi: 15 markah
Sela masa yang tetap dan dalam bentuk kumpulan, Jeda antara segmen, Ad-lib [sahut-menyahut] antara SUARA SOLO dan SUARA RAMAI.
Bunyi gerakan fizikal seperti tepuk tangan, petikan jari, hentakan kaki dan lain-lain lagi.
- iv. Bahasa: 15 markah
Baku dan gramatis. Penggunaan kata, frasa dan ungkapan. Bahasa percakapan [dialog] yang digunakan sesuai. Penggunaan bahasa bombastik dan dialek tidak digalakkan.
- v. Penghayatan: 10 markah
Ekspresi mimik muka [tanpa bantuan alat solek] dan bahasa tubuh.
- vi. Kreativiti: 10 markah
Kepelbagaian dan keselarasan suara serta pergerakan yang sesuai dan bermakna.
- vii. Skrip: 10 markah
Skrip adalah bertema sama ada dalam bentuk puisi atau prosa yang dikarang/reka sendiri dan autentik. Skrip yang dikarang/reka mestilah tidak menyentuh isu-isu sensitif seperti agama, kaum, politik, budaya masyarakat setempat dan peribadi seseorang.
- viii. Konduktor: 10 markah
Keselarasan gerakan tangan/Formasi dan tubuh badan selari dengan pasukan.

Jumlah 100 markah

LAMPIRAN 11:

NASYID

- a. Penyertaan terbuka kepada semua pelajar lelaki Sekolah Rendah dan Menengah di bawah rangkaian & rakan IKRAM MUSLEH, KPM dan wakil sekolah rendah & menengah luar negara.
- b. Jumlah murid yang terlibat dalam satu (1) pasukan adalah **8-15 orang sahaja** termasuk pemain muzik. Susunan pasukan semasa persembahan adalah bebas. Hanya pergerakan kecil yang bersesuaian dengan lagu yang disampaikan dan tidak keterlaluan dibenarkan.
- c. Tempoh persembahan dikira berdasarkan ujaran pertama sehingga ujaran terakhir di atas pentas seperti berikut:
 - i. Sekolah Rendah : 7 hingga 10 minit
 - ii. Sekolah Menengah : 8 hingga 12 minit

- Masa dikira apabila peserta mula membuat ujaran. Markah akan dipotong sebanyak **3 markah** jika persembahan kurang dari **7/8 minit** dan **1 markah dipotong** apabila **melebihi masa** yang ditetapkan.
- d. Pakaian peserta **bebas**. Penggunaan aksesori dan solekan (yang bersesuaian) dibenarkan tetapi tiada sebarang peruntukan markah diberikan.
 - e. Tema pertandingan ialah **Membina Negara Rahmah** . Tema tidak semestinya menjadi tajuk lagu.
 - f. Skrip mestilah dilengkapi dengan tajuk. Format penulisan skrip ditaip menggunakan *fonts Times New Roman*, bersaiz 12 dan jarak langkau 1.5 sahaja. Skrip yang telah ditaip hendaklah dihantar dalam bentuk *portable document format* (pdf) kepada kepada pihak penganjur mengikut kaedah yang telah ditetapkan.
 - g. Setiap sekolah perlu mempersembahkan **1 buah lagu (bebas-kontemporari @ masri gabungan kedua-dua sekali)**
 - h. **Lirik persembahan** hendaklah **ciptaan baru dan asli** manakala tempo atau lagunya boleh diambil dari mana-mana lagu yang telah wujud di pasaran.
 - i. Lirik persembahan boleh menggunakan Bahasa Melayu @ Bahasa Arab @ Bahasa Inggeris @ gabungan ketiga-tiga bahasa tersebut.
 - j. **Lirik Bahasa Arab dan Bahasa Inggeris hendaklah disertakan terjemahannya secara bertulis.**
 - k. Lirik lagu **tidak boleh menyentuh isu-isu sensitif dan negatif** (politik, agama, bangsa atau lain-lain yang berkaitan)
 - l. Durasi video **tidak melebihi 10 dan 12 minit** . Video rakaman mesti memaparkan persembahan pasukan.
 - m. Sebarang alatan/sokongan seperti lakonan, berdrama, prop, bahan latar yang bertujuan untuk membantu persembahan, latar bunyi sama ada dalam bentuk elektronik, bercetak atau bertulis **tidak dibenarkan**.
 - n. Sila pastikan suara penasyid jelas untuk didengari para juri dan tidak echo/reverb
 - o. Kandungan video tidak boleh memaparkan sebarang bentuk perkataan atau grafik yang menunjukkan identiti sekolah atau negeri.
 - p. Rakaman video mestilah dilakukan secara rakaman pegun (single shoot). Video tersebut hendaklah dirakam secara melintang dalam format AVI atau MP4 dengan resolusi 720P/1080P dan dihantar dalam bentuk pautan kepada penganjur.
 - q. **LARANGAN DALAM PERTANDINGAN**
 - ❖ Lirik lagu tidak boleh menyentuh isu-isu sensitif dan negatif (politik, agama, bangsa atau lain-lain yang berkaitan).
 - ❖ Hanya pergerakan kecil yang bersesuaian dengan lagu yang disampaikan dan tidak keterlaluan dibenarkan. Markah akan dipotong bagi pergerakan yang keterlaluan.
 - ❖ Setiap persembahan hanya boleh diiringi dengan alat perkusi muzik tradisional nasyid seperti kompang, bongo, conga, darbuka, turkish tomolo, shaker, tamborine, djembe, cabasa, gendang, maracas, rebana dan chime sahaja. (**gitar, piano, drum dan alat muzik lain tidak dibenarkan**)
 - ❖ Iringan muzik hendaklah dipersembahkan secara langsung (live), **minus one tidak dibenarkan**.
 - ❖ Iringan muzik boleh mempengaruhi pemarkahan.
 - ❖ **Tidak dibenarkan** untuk memasukkan unsur-unsur **sajak, puisi, doa,**

rap dan ayat al-quran.

- ❖ Mana-mana pasukan yang melanggar syarat-syarat di atas, boleh dibatalkan penyertaannya.

r. Pemarkahan adalah berdasarkan:

SUARA

- i. Keseimbangan atau harmoni : 8 markah
- ii. Ketepatan pic, nada, tempo dan frasa : 10 markah
- iii. Kejelasan sebutan : 6 markah
- iv. Kualiti ton : 8 markah
- v. Dinamik : 8 markah

Jumlah: 40 markah

LIRIK

- i. Kejelasan mesej : 8 markah
- ii. Kesenambungan isi : 6 markah
- iii. Bahasa : 2 markah
- iv. Kesesuaian tema : 4 markah

Jumlah : 20 markah

PERSEMBAHAN

- i. Gaya dan persembahan : 10 markah
- ii. Etika : 5 markah
- iii. Ekspresi: 5 markah
- iv. Keberkesanan persembahan : 5 markah

Jumlah : 25 markah

KREATIVITI

- i. Olahan lagu: 6 markah
- ii. Susunan muzik: 6 markah
- iii. Bonus: 3 markah

Jumlah : 15 markah

Jumlah keseluruhan : 100 markah

LAMPIRAN 12

MASAKAN RIMBA

TEMA - (CAMPING MEALS)

- a. Penyertaan terbuka (**INDIVIDU**) kepada semua pelajar Sekolah Rendah dan Menengah di bawah rangkaian & rakan IKRAM MUSLEH, Pasukan Badan Beruniform /TKRS/KRS KPM dan wakil sekolah rendah & menengah luar negara.
- b. Setiap sekolah IM boleh menghantar maksimum 4 orang peserta iaitu 2 orang peserta lelaki dan 2 orang peserta perempuan secara (**INDIVIDU**)
- c. **Bahan ASAS (WAJIB)** – 1. AYAM / DAGING / IKAN
2. NASI / SPAGHETI / ROTI

PILIH SALAH SATU DARIPADA 2 BAHAN ASAS WAJIB BERIKUT.

Bahan dan alatan perlu disediakan oleh pihak peserta berdasarkan tema yang ditetapkan oleh pihak penganjur.

Tema: Masakan Rimba - Hidangan Tengah hari

Peserta hendaklah memakai baju-T (half dress) mengikut Pasukan Badan Beruniform masing-masing.

BARRET / PENUTUP KEPALA DIWAJIBKAN bagi setiap peserta.

Dibenarkan menambah aksesori tambahan jika perlu.

d. Muzik latar dibenarkan dalam video rakaman dengan syarat tidak mengganggu penyampaian.

Video – Bentuk **Lanskap**

e. Rakaman Video Masakan akan dinilai berdasarkan kriteria berikut:

i. Durasi video – tidak melebihi 7 minit : 5 markah

ii. Kreativiti video : 15 markah

iii. Persembahan

- Jelas/lancar : 10 markah
- Latarbelakang : 15 markah
- Kebersihan : 10 markah
- Gaya persembahan : 10 markah
- Peralatan : 10 markah
- Hasil hidangan : 10 markah
- Hiasan hidangan : 10 markah

iv. Nampak sedap : 5 markah

Jumlah Keseluruhan : 100 markah

f. Tarikh akhir penghantaran rakaman video masakan adalah seperti yang telah ditetapkan.

g. Keputusan hakim adalah **MUKTAMAD**

LAMPIRAN 13

REKA CIPTA (BARANGAN TERPAKAI)

- a. Penyertaan terbuka kepada semua pelajar Sekolah Rendah dan Menengah di bawah rangkaian & rakan IKRAM MUSLEH, Pasukan Badan Beruniform, TKRS/KRS KPM dan wakil sekolah rendah & menengah luar negara.
- b. Setiap sekolah IM boleh menghantar maksimum 4 orang peserta iaitu 2 orang peserta lelaki dan 2 orang peserta perempuan
- c. Bahan dan alatan perlu disediakan sendiri dengan kerjasama pihak sekolah berdasarkan bahan asas yang ditetapkan oleh pihak penganjur
- d. Bahan berasaskan plastik terpakai.**
- e. Semua jenis plastik boleh digunakan **termasuklah botol plastik, bekas-bekas plastik atau bahan-bahan plastik.**
- f. Boleh menggunakan bahan tambahan lain seperti alat elektrik/elektronik, kertas, tin dan sebagainya.
- g. Sekiranya menggunakan bahan tambahan lain, penggunaan bahan asas plastik hendaklah 80% dan 20% adalah bahan tambahan lain.
- h. Peserta hendaklah memakai baju-T (half dress) mengikut Pasukan Badan Beruniform masing-masing.
- i. 40% daripada keseluruhan video dibenarkan dubbing suara.
- j. Rakaman video yang dibuat wajib dalam posisi melintang (landskap) supaya setiap aktiviti reka cipta serta penerangan dapat dirakam dengan jelas.

- k. Peserta dikehendaki menyediakan rakaman video berdurasi tidak kurang dari 4 minit dan tidak melebihi 5 minit. Markah akan ditolak sekiranya video kurang dari 4 minit dan melebihi 5 minit.
- l. Rakaman video reka cipta akan dinilai berdasarkan kriteria berikut:
- i. Durasi video (4 minit – 5 minit) : 5 markah
 - ii. Persembahan
 - Jelas : 20 markah
 - Kreatif : 20 markah
 - Lancar : 20 markah
 - Santai : 20 markah
 - Hiasan : 10 markah
 - iii. Nampak menarik & boleh dipasarkan : 5 markah
- m. Tarikh akhir penghantaran rakaman video reka cipta adalah seperti yang telah ditetapkan.
- n. Keputusan hakim adalah muktamad

LAMPIRAN 14

MEMBINA GAJET

- a. Penyertaan terbuka kepada semua pelajar Sekolah Rendah dan Menengah di bawah rangkaian & rakan IKRAM MUSLEH, Pasukan Badan Beruniform, TKRS/KRS KPM dan wakil sekolah rendah & menengah luar negara.
- b. Setiap sekolah IM boleh menghantar maksimum 4 orang peserta iaitu 2 orang peserta lelaki dan 2 orang peserta perempuan
- c. Peserta hendaklah memakai baju-T (half dress) mengikut Pasukan Badan Beruniform masing-masing
- d. Bahan dan peralatan hendaklah bersesuaian dan disediakan sendiri oleh peserta dengan nasihat daripada ibu @ bapa @ guru.
- e. Peserta boleh memilih sebarang bentuk gajet untuk dibina dengan syarat menggunakan sekurang-kurangnya 5 jenis ikatan dan simpulan.
- f. Ukuran gajet yang dibina tidak melebihi 50 cm lebar, 50 cm panjang dan 80 cm tinggi.
- g. Peserta dikehendaki menyediakan rakaman video berdurasi tidak melebihi 5 minit.
- h. Pemarkahan adalah berdasarkan:
 - i. Kekemasan (20 markah)
 - i. Ketepatan penggunaan ikatan dan simpulan (20 markah)
 - ii. Kreativiti Video (20 markah)
 - iii. Penerangan (suara) penggunaan ikatan atau simpulan (20 markah)
 - iv. Bukti kekukuhan (20 markah)
- i. Tarikh akhir penghantaran rakaman video adalah seperti yang telah ditetapkan
- j. Keputusan hakim adalah muktamad

LAMPIRAN 15

SENAMANKREATIF

- a. Penyertaan terbuka kepada **PELAJAR LELAKI DAN PEREMPUAN** dari unit badan-badan beruniform, TKRS/KRSM di Sekolah Rendah dan Menengah bawah **rangkaiannya KPM dan wakil sekolah rendah & menengah luar negara.**
- b. Setiap sekolah boleh menghantar 1 kumpulan iaitu **5 orang peserta**.

- c. Reka bentuk senaman hendaklah disediakan sendiri oleh peserta berdasarkan kemahiran dalam TKRS / KRS @ Pasukan Badan Beruniform masing-masing dengan nasihat daripada ibu @ bapa @ guru.
- d. Muzik iringan perlulah menggunakan alunan **muzik nasihat** dengan syarat senaman tersebut memenuhi keperluan untuk sendi dan otot seluruh badan.
- e. Peserta dikehendaki menyediakan rakaman video berdurasi tidak melebihi 5 minit.
- f. Pemarkahan adalah berdasarkan :
 - i. Keaslian (40 markah)
 - ii. Kesesuaian pergerakan & muzik (20 markah)
 - iii. Kesesuaian pergerakan & tujuan (20 markah)
 - iv. Kreativiti video (20 markah)
- g. Peserta adalah dilarang membuat pergerakan yang menghairahkan serta pergerakan yang mengandungi unsur- unsur budaya kuning.
- h. Peserta hendaklah memakai baju-T (half dress) mengikut Pasukan Badan Beruniform masing-masing
- i. Tarikh akhir penghantaran rakaman video adalah seperti yang telah ditetapkan
- j. Keputusan hakim adalah muktamad

LAMPIRAN 16

BaSeD Formasi :

1 Kategori Gerak 1 (SRI)

- Tiada pergerakan tambahan dibenarkan.

2 Kategori Gerak 1 dan 2 (SMI)

- Tiada pergerakan tambahan dibenarkan.

3 Kategori Identiti (SRI dan SMI)

- Menggabungkan sekurang-kurangnya 3 pergerakan BaSeD untuk SRI / 5 pergerakan BaSeD untuk SMI mengikut kreativiti masing-masing.

SYARAT PERTANDINGAN:

- 1 Terbuka kepada semua pelajar lelaki dan perempuan di Sekolah Rendah dan Menengah bawah rangkaian & rakan IKRAM MUSLEH.
- 2 Setiap sekolah boleh menghantar 1 hingga 2 penyertaan. Maksimum penyertaan adalah 2 kumpulan lelaki dan 2 kumpulan perempuan bagi setiap sekolah. Terdiri daripada 5 orang.
- 3 Penyertaan adalah secara berkumpulan dan tidak melibatkan penggunaan senjata bagi kategori SRI dan SMI.
- 4 Peserta hendaklah memakai baju-T (half dress)TKRS/KRS atau uniform BaSeD beserta aksesori tradisional yang lain atau memakai busana tradisional yang sesuai.
- 5 Rakaman video WAJIB mematuhi syarat berikut :
 - 5.1 Durasi keseluruhan Video : Tidak melebihi 4:00 minit (SRI) , 5:00 minit (SMI)
 - 5.2 Mengandungi mukadimah maksimum 20 saat menampilkan suara dan wajah yang JELAS oleh peserta sendiri menyatakan Nama Penuh, Nama Sekolah diakhiri ayat berikut : “Rakaman ini dibuat untuk PVPIM BaSeD Formasi.”
 - 5.3 Suntingan untuk memasukkan kesan audio dibenarkan. Suntingan melibatkan cantuman

video dan gambar tidak dibenarkan.

5.4 Karya ciplak tidak dibenarkan. Video yang bukan karya asli akan dibatalkan.

5.5 Memastikan sebarang bahan yang digunakan tidak melanggar hak cipta pihak ketiga.

5.6 Tidak mengandungi unsur aksi keterlaluan dan bahaya, anasir negatif yang menyalahi undang-undang Malaysia serta menyentuh sensitiviti kaum, kelucuan dan politik.

6 Video yang diterima menjadi hak milik sepenuhnya pihak penganjur.

7 Segala keputusan pengadilan adalah muktamad. Sebarang bantahan tidak akan dilayan.

KRITERIA PEMARKAHAN:

1. Seni pergerakan - 40 Markah
2. Ketangkasan & mantap - 20 Markah
3. Ketrampilan & Disiplin - 10 Markah
4. Kualiti dan keaslian - 10 Markah
5. Kreativiti video - 20 Markah

LAMPIRAN 17

GUBAHAN HIASAN MEJA

- a. Penyertaan terbuka kepada **PESERTA PEREMPUAN SAHAJA** di Sekolah Rendah dan Menengah bawah rangkaian & rakan IKRAM MUSLEH, Pasukan Badan Beruniform, TKRS/KRS KPM dan wakil sekolah rendah & menengah luar negara.
- b. Setiap sekolah IM boleh menghantar maksimum 2 orang peserta.
- c. Reka bentuk gubahan hendaklah disediakan sendiri oleh peserta berdasarkan tema iaitu gubahan hiasan meja yang menggunakan bahan ekonomi dan mudah diperolehi yang menepati konsep rahmah kos terendah atas pandangan dan nasihat daripada ibu @ bapa @ guru.
- d. Peserta hendaklah memakai baju-T (half dress) mengikut Pasukan Badan Beruniform masing-masing
- e. Bahan dan peralatan hendaklah bersesuaian dan disediakan sendiri oleh peserta dengan nasihat daripada ibu @ bapa @ guru.
- f. Peserta dikehendaki menyediakan rakaman video berdurasi tidak kurang dari 4 minit dan tidak melebihi 5 minit
- g. Peserta perlu mempamerkan harga kos keseluruhan gubahan dengan jelas.
- h. Rakaman video yang dibuat wajib dalam posisi melintang (landskap) supaya setiap aktiviti gubahan serta penerangan dapat dirakam dengan jelas. Rakaman boleh disunting dengan mempercepatkan video(fast forward)
- i. Pemarkahan adalah berdasarkan
 - Jelas : 20 markah
 - Kreatif : 20 markah
 - Kelancaran : 20 markah
 - Kos rahmah : 20 markah
 - Kos kurang RM50 (20 markah)
 - Kos RM50 – RM70) (15 markah)
 - Kos RM70 – RM100 (10 markah)
 - Kos melebihi RM100 (5 markah)
 - **TIADA MARKAH SEKIRANYA TIDAK DINYATAKAN KOS**

- Hiasan : 10 markah
 - Nilai komersial : 5 markah
 - Kreativiti video : 5 markah
- h. Tarikh akhir penghantaran rakaman video adalah seperti yang telah ditetapkan
- i. Keputusan hakim adalah muktamad

GUBAHAN BUAH

- a. Penyertaan terbuka kepada **PESERTA LELAKI SAHAJA** di Sekolah Rendah dan Menengah bawah rangkaian & rakan IKRAM MUSLEH, Pasukan Badan-badan Beruniform, TKRS/KRS KPM dan wakil sekolah rendah & menengah luar negara.
- b. Setiap sekolah IM boleh menghantar maksimum 2 orang peserta sahaja.
- c. Reka bentuk gubahan hendaklah disediakan sendiri oleh peserta berdasarkan tema iaitu buah-buahan dengan nasihat daripada ibu @ bapa @ guru.
- d. Peserta hendaklah memakai baju-T (half dress) mengikut Pasukan Badan Beruniform masing-masing
- e. Bahan dan peralatan hendaklah bersesuaian dan disediakan sendiri oleh peserta dengan nasihat daripada ibu @ bapa @ guru.
- f. Peserta dikehendaki menyediakan rakaman video berdurasi tidak kurang daripada 4 minit dan tidak melebihi 5 minit.
- g. Rakaman video yang dibuat wajib dalam posisi melintang (lanskap) supaya setiap aktiviti gubahan serta penerangan dapat dirakam dengan jelas. Rakaman boleh disunting dengan mempercepatkan video (fast forward).
- h. Pemarkahan adalah berdasarkan
 - Jelas : 20 markah
 - Kreatif : 20 markah
 - Lancar : 20 markah
 - Santai : 20 markah
 - Hiasan : 10 markah
 - Nampak menarik & boleh dipasarkan : 5 markah
 - Kreativiti video : 5 markah
- i. Tarikh akhir penghantaran rakaman video adalah seperti yang telah ditetapkan
- j. Keputusan hakim adalah muktamad

LAMPIRAN 18:

MEMANAH FORMASI

- a. Penyertaan terbuka kepada semua pelajar Sekolah Rendah dan Menengah di bawah rangkaian & rakan IKRAM MUSLEH, Pasukan Badan Beruniform, TKRS/KRS KPM dan wakil sekolah rendah & menengah luar negara.
- b. Setiap sekolah IM boleh menghantar maksimum 12 orang peserta (2 pasukan).
- c. Setiap pasukan mempunyai 5-6 orang peserta sama jantina samada lelaki atau perempuan.
- d. Peserta hendaklah memakai baju-T (half dress) mengikut Pasukan Badan Beruniform masing-masing beserta aksesori tradisional yang lain.
- e. Gerak formasi hendaklah dibuat dalam keadaan selamat tanpa melibatkan aksi yang berisiko kemalangan atau kecederaan.
- f. Sebarang kecederaan atau kemalangan yang berlaku semasa sesi latihan dan rakaman adalah diluar tanggungjawab penganjur.
- g. Penggunaan musik latar bertemakan musik tradisional/ottoman/kemerdekaan

- digalakkan dengan tahap suara yang selesa didengar.
- h. Semua pergerakan hendaklah berada dalam video.
 - i. Dibenarkan menyunting video untuk mendapatkan sudut gambaran yang lebih menarik.
 - j. Masa dikira bermula dan berakhir dengan sembah hormat.
 - k. Peserta dikehendaki membuat sekurang-kurangnya 5 jenis gerak formasi yang merangkumi pelbagai posisi memamah.
 - l. Peserta dikehendaki menyediakan rakaman video berdurasi **tidak melebihi 5 minit**.
 - m. Rujukan boleh didapati dalam video berikut:
 - i. <https://youtu.be/1yoq2hLVlQk>
 - ii. <https://www.facebook.com/aretar.aremad/videos/1816716218359927/>
 - iii. <https://fb.watch/eq8kEcrFDJ/>
 - iv. <https://fb.watch/eqaCkFLsKV/>
 - n. Pemarkahan adalah berdasarkan:
 - i. Pakaian (10 markah)
 - ii. Kreativiti pergerakan (60 markah)
 - iii. Kreativiti Video (10 markah)
 - iv. Keselamatan (10 markah)
 - v. Kelancaran pergerakan (10 markah)
 - vi. Keseragaman (10 markah)
 - o. Tarikh akhir penghantaran rakaman video adalah seperti yang telah ditetapkan.
 - p. Keputusan hakim adalah muktamad.

Disediakan oleh :
Jawatankuasa Pelaksana PVPIM'23